



KAMPUS

■ UTHM universiti pertama ASEAN sedia program

Oleh Haidhar Hilmi
am@hmetro.com.my
Kluang

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), di sini, menjadi universiti pertama di ASEAN menawarkan program kejuruteraan rel bagi mengisi pakar dalam industri berkenaan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Hou Kok Chung berkata, industri rel yang sedang berkembang maju adalah keperluan dan imej bagi negara maju.

Beliau berkata, industri

Tawar kejuruteraan rel

ini banyak menggunakan kepakaran daripada luar negara dan kerana itu keperluan tenaga tempatan sangat diperlukan di negara ini.

“Universiti ini antara institusi pengajian tinggi (IPT) negara yang mengambil inisiatif awal menerajui program kejuruteraan rel ini.

“Sehubungan itu, UTHM akan membina kampus cawangan Kluang pada masa akan datang membabitkan kos antara RM200 hingga RM250 juta,” katanya, semalam.

Dr Hou yang juga Ahli Parlimen Kluang berkata, usaha membina kampus yang dilengkapi institut pembelajaran dan kolej kediaman masih di peringkat proses mengenal pasti lokasi sesuai.

Beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)



DR Hou (kiri) mendengar taklimat oleh Dr Mohd Noh

sudah memohon tanah daripada Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad seluas 1.25 hektar di kawasan ban-

dar Kluang, namun ia masih dipertimbangkan pihak berkaitan.

“Jika kita gagal memper-

oleh tapak dari-pada KTMB, kita akan cuba cari lokasi lain di sekitar Kluang bagi

membina kampus berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, pada peringkat awal, pengambilan hanya akan dibuka bagi ijazah sarjana muda sepenuh masa.

“Kita menerima banyak permohonan untuk mengikuti pengajian bagi pengajian separuh masa, namun ia hanya akan dibuat pada masa depan.

“Pengambilan buat masa ini hanya untuk ijazah sarjana muda sepenuh masa,” katanya.

Menurutnya, kewujudan program itu bakal mengangkat martabat kejuruteraan Malaysia dalam kepakaran rel.

“UTHM akan bina kampus cawangan di Kluang”
Dr Hou Kok Chung